



UNDANG-UNDANG KECIL

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD

No. Daftar : Koop Negara No. 42

Tarikh Daftar : 18 Oktober, 1980

**Alamat : Wisma KPFB
No. 16, Blok B, Jalan 3/4C,
Desa Melawati,
53100 Kuala Lumpur.**

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Tajuk dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.
3. Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

4. Nama.
5. Alamat.
6. Kawasan operasi.

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

7. Matlamat.
8. Fungsi.
9. Aktiviti.

BAHAGIAN IV
KEANGGOTAAN

10. Anggota.
11. Kelayakan menjadi anggota.
12. Permohonan menjadi anggota.
13. Fi masuk.
14. Ikrar anggota.
15. Penerimaan menjadi anggota.
16. Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota.
17. Pemberian Undang-undang Kecil.
18. Liabiliti anggota.
19. Hilang kelayakan sebagai anggota.
20. Terhenti menjadi anggota.
21. Menarik diri.
22. Penggantungan dan pembuangan anggota.
23. Penyelesaian wang anggota.

BAHAGIAN V
ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

24. Mesyuarat agung perwakilan.
- 24A. Kehadiran anggota di dalam mesyuarat agung perwakilan
25. Mesyuarat agung perwakilan tahunan
26. Mesyuarat agung perwakilan khas .
27. Notis mesyuarat agung perwakilan.
28. Kuorum mesyuarat agung perwakilan.

29. Undi mesyuarat agung perwakilan.
30. Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan khas .
31. Fungsi mesyuarat agung perwakilan.
32. Pengerusi mesyuarat agung perwakilan.
33. Lembaga Koperasi.
34. Kelayakan menjadi anggota Lembaga.
35. Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga.
36. Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga.
37. Penamatan pelantikan anggota Lembaga.
38. Mesyuarat Lembaga.
39. Kuorum mesyuarat Lembaga.
40. Urusan mesyuarat Lembaga.
41. Undi anggota Lembaga.
42. Buku minit mesyuarat Lembaga.
43. Kuasa dan kewajipan Lembaga.
44. Liabiliti anggota Lembaga.
45. Tugas pengerusi.
46. Tugas setiausaha.
47. Tugas bendahari.
48. Jawatankuasa Audit Dalaman.
49. Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman.
50. Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman.
51. Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VI

ASET DAN WANG KOPERASI

52. Wang dan kumpulan Wang Koperasi.
53. Modal syer.
54. Simpanan khas, deposit atau pinjaman.
55. Pindahan syer.
56. Penyelesaian modal syer.
57. Keuntungan modal.
58. Kumpulan Wang Rizab Statutori.
59. Simpanan khas.
60. Pinjaman Luar
61. Pelaburan wang.
62. Pemberian pinjaman oleh Koperasi.
63. Pengagihan untung bersih teraudit.
64. Dividen.

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

65. Tahun kewangan.
66. Penyenggaraan akaun.
67. Resit-resit dan baucar.
68. Pelantikan dan kewajipan juruaudit.
69. Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit.
70. Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada anggota.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

71. Akaun bank.
72. Mohor Koperasi.
73. Pertukaran alamat anggota.
74. Penyediaan dokumen untuk diperiksa.
75. Penyerahan tugas.
76. Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi.
77. Pelantikan Yang Dipertua.
78. Pertikaian.
79. Pemeliharaan kerahsiaan.
80. Pembubaran.
81. Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil.
82. Undang-Undang Kecil hendaklah mengikat anggota.

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini boleh dinamakan Undang-Undang Kecil Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

Tafsiran

2. Di dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**anggota**” termasuklah sesuatu koperasi asas yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan sesuatu koperasi asas yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan undang-undang kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**arahan**” ertinya arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**aturan-aturan**” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, undang-undang kecil dan kelulusan mesyuarat agung perwakilan;

“dividen” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“elaun” ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga atau Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap;

”FELCRA Berhad” ertinya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan, ditubuhkan di bawah Akta (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara 1966 (Semakan 1989) melalui Akta Parlimen No. 398;

“garis panduan” ertinya garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“honorarium” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“kawasan operasi” ertinya kawasan di mana Koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Peraturan;

“kesalahan boleh daftar” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“Koperasi” atau "Koperasi ini" ertinya Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad;

”Koperasi asas” ertinya Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta Koperasi 1993;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“pegawai” berhubung dengan koperasi ertinya seorang pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga, dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, Peraturan atau perintah atau undang-undang kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, atau mana-mana pekerja, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“pelantikan” termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Pengerusi Eksekutif” ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“perwakilan” ertinya wakil sesuatu koperasi asas yang ialah anggota Koperasi yang mesyuaratnya wakil itu telah dipilih atau dilantik untuk menghadirinya sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“potongan langganan” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperolehi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“prinsip koperasi” termasuklah—

- (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;
- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara koperasi; dan
- (g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“pulangan” termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusan niaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“sabitan” termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“simpanan khas” ertinya wang yang didepositkan oleh sesuatu anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“subsidiari” ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkan dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**syer**” artinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh sesuatu anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Tribunal Koperasi**” artinya Tribunal Koperasi yang ditubuhkan menurut seksyen 83 Akta Koperasi 1993;

“**Undang-undang Kecil**” artinya undang-undang kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**wang berlebihan**” artinya tertakluk kepada Peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu undang-undang bertulis, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan-perubahan nahu dan perbahasan-perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.

(2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.

(3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II
NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad.

Alamat

5. (1) Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah Wisma KPFB, No. 16, Blok B, Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

(2) Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

Kawasan operasi

6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah seluruh Malaysia.

BAHAGIAN III
MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

7. Menurut subseksyen 4(2) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk memudahkan operasi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

Fungsi

8. Fungsi utama Koperasi ini ialah perkhidmatan.

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan –

(a) Menjalankan aktiviti berikut:

- (i) menjadi agen insurans dan alat perhubungan dan telekomunikasi;
- (ii) mendapatkan kontrak-kontrak pertanian, baja, racun dan peralatan untuk pertanian, kerja-kerja teknikal, penyelenggaraan, pembersihan dan pengangkutan;
- (iii) membeli tanah atau menerima tanah kurnia untuk dijadikan ladang kelapa sawit, getah dan lain-lain perusahaan pertanian
- (iv) memproses dan memasarkan hasil keluaran anggota dan produk-produk Koperasi;
- (v) menjalankan aktiviti-aktiviti skim pajak gadai Islam;
- (vi) membekal barang-barang pengguna dan barang-barang pengguna berkaitan pertanian, membeli dan memasarkan hasil-hasil pertanian;
- (vii) membekal tenaga kerja asing bagi sektor pertanian, pembinaan dan perkhidmatan;
- (viii) memiliki dan memajukan tanah, mendirikan bangunan sebagai pemaju perumahan untuk rumah-rumah kediaman, bangunan kedai, bangunan pejabat dan sebagainya untuk anggota khasnya dan awam amnya atau membeli bangunan untuk rumah-rumah kediaman, bangunan, kedai pejabat termasuk tapak bangunan tersebut serta menjual, memajak, mencagar, memindahkan tanah dan bangunan-bangunan kepada anggota khasnya dan pihak awam amnya;
- (ix) membina dan menjalankan operasi stesen minyak dan pengedaran gas memasak;
- (x) membekalkan perkhidmatan pelancongan, homestay, roomstay dan asrama;
- (xi) membekalkan peralatan-peralatan pembinaan hardware;
- (xii) membeli dan memasarkan kayu getah, buah kelapa sawit dan sekerap;
- (xiii) mendapatkan perolehan dan pembekalan daripada pihak kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan;

- (xiv) menjalankan aktiviti penternakan dan pengeluaran produk makanan ternakan dan ubat haiwan;
 - (xv) menjalankan aktiviti perindustrian, kejuruteraan dan perlombongan;
 - (xvi) menjalankan perniagaan import dan eksport;
 - (xvii) menjalankan operasi pelabuhan, pengangkutan perkapalan dan perkhidmatan pergudangan;
 - (xviii) membekal peralatan sukan, alat muzik, cenderamata dan hadiah;
 - (xix) membekal makanan, minuman dan bahan mentah kering dan basah serta restoran;
 - (xx) menjalankan aktiviti perkhidmatan percetakan, pengiklanan;
 - (xxi) membekal peralatan dan kelengkapan hospital, ubat-ubatan dan farmaseutikal hospital;
 - (xxii) membekal bahan kimia dan peralatan makmal serta aksesori;
 - (xxiii) membekal bahan binaan dan peralatan keselamatan jalan raya;
 - (xxiv) menjalankan aktiviti perkhidmatan penyelenggaraan alat penghawa dingin, pembersihan bangunan dan pejabat;
 - (xxv) perkhidmatan penyewaan dan pembekalan pakaian dan aksesori;
 - (xxvi) perkhidmatan perladangan, perikanan, haiwan dan hidupan liar; dan
 - (xxvii) perkhidmatan guna tenaga kerja dan tenaga buruh;
- (b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
- (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- (d) melaburkan wang berlebihan di dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;

- (e) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan
 - (f) menyertai usaha sama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.
- (2) Bagi menjayakan aktiviti di bawah fasal (1), Koperasi boleh mendapatkan—
- (a) modal dengan cara mengumpul syer, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota; dan
 - (b) deposit atau pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2) dan seksyen 52A Akta dan Peraturan.
- (3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.
- (4) Bagi melaksanakan skim berhubung dengan simpanan khas, deposit atau pinjaman menurut Peraturan, Lembaga hendaklah—
- (a) menyediakan surat cara berasingan yang menyatakan dengan jelas terma dan syarat-syarat bagi skim tersebut;
 - (b) mengemukakan surat cara skim itu kepada mesyuarat agung untuk kelulusan; dan
 - (c) mengemukakan satu salinan surat cara yang diluluskan itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.
- (5) Walau apa pun peruntukan undang-undang kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN

Anggota

10. Anggota-anggota Koperasi ini termasuklah koperasi asas yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan koperasi asas yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran.

Kelayakan menjadi anggota

11. Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA yang didaftarkan di bawah Akta sebagai suatu Koperasi asas.

Permohonan menjadi anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha koperasi atau pegawai koperasi yang dipertanggungjawabkan.

Fi masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM1,000.00 (Ringgit: satu ribu). Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.

(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak RM1,000.00 (Ringgit: satu ribu).

(3) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

Ikrar anggota

14. (1) Tiap-tiap koperasi asas yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah, melalui individu yang diberi kuasa olehnya, menandatangani suatu ikrar bahawa ia akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan yang dibuat dengan sah.

(2) Pemohon yang enggan menandatangani ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

(3) Sesuatu koperasi asas yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam membuat permohonan bagi pendaftaran Koperasi ini dikehendaki menandatangani ikrar menurut fasal (1) melalui individu yang diberi kuasa dalam tempoh empat puluh lima hari selepas diterima perakuan pendaftaran Koperasi. Kegagalan menandatangani ikrar tersebut boleh menyebabkan dia disingkir.

Penerimaan menjadi anggota

15. Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Sesuatu koperasi asas yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota

16. Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran RM10,000.00 (Ringgit: sepuluh ribu) syer boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam undang-undang kecil ini.

Pemberian Undang-undang Kecil

17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskhah Undang-undang Kecil ini. Naskhah tambahan akan dikenakan bayaran.

Liabiliti anggota

18. (1) Liabiliti sesuatu anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.

(2) Liabiliti bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35(1) Akta.

Hilang kelayakan sebagai anggota

19. Sesuatu anggota akan hilang kelayakan sebagai anggota jika dalam masa menjadi anggota, pendaftarannya dibatalkan di bawah Akta.

Terhenti menjadi anggota

20 (1) Keanggotaan sesuatu anggota terhenti atas sebab berikut:

- (a) menarik diri menurut undang-undang kecil 21; atau
- (b) dibuang menurut undang-undang kecil 22.

(2) Lembaga hendaklah menyingkir sesuatu anggota yang—

- (a) didapati membuat ikrar palsu menurut undang-undang kecil 14;
- (b) gagal menjelaskan syer minimum mengikut undang-undang kecil 53;
- (c) telah dikeluarkan daripada Pengurusan Rancangan FELCRA Berhad selepas undang-undang kecil didaftarkan; atau
- (d) terhenti keanggotaan menurut perenggan (b) fasal (1)

Menarik diri

21. (1) Sesuatu anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis enam bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.

(2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.

(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

Penggantungan dan pembuangan anggota

22. (1) Sesuatu anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh digantung keanggotaannya jika didapati wakilnya melakukan mana-mana satu daripada perkara berikut:

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;
- (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini;

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan sesuatu anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang untuk menyatakan sebab mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, berkaitan tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Sebelum mengesahkan atau mengetepikan penggantungan itu, mesyuarat agung perwakilan hendaklah mendengar penjelasan perwakilan bagi anggota yang digantung oleh Lembaga itu, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotaannya tidak lucut melainkan jika mesyuarat agung perwakilan dengan undi dua pertiga daripada perwakilan yang hadir membuat keputusan membuangnya.

(5) Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung perwakilan, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajipan sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung perwakilan.

Penyelesaian wang anggota

23. (1) Jika sesuatu anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut undang-undang kecil 20, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah—

- (a) sekiranya ia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
- (b) sekiranya ia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis; dan
- (c) sekiranya pendaftaran anggota tersebut dibatalkan di bawah Akta, dikembalikan kepada pelikuidasi yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 74 Akta.

(2) Penyelesaian mengenai syer anggota yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini, hendaklah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 55 dan 56.

BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat agung perwakilan

24. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan undang-undang kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak hak pada mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 36 Akta, yang padanya tiap-tiap wakil anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.

(2) Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

Kehadiran anggota di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan.

24A. (1) Bilangan perwakilan yang boleh mewakili sesuatu anggota hendaklah dua orang. Anggota yang mempunyai wakil mereka sebagai anggota Lembaga dalam koperasi ini boleh menghantar lebih dua orang perwakilan tertakluk kepada

bilangan wakil mereka yang menduduki kerusi Lembaga. Setiap perwakilan mempunyai satu undi tertakluk kepada fasal (4).

(2) Seseorang perwakilan mestilah anggota Lembaga sesuatu anggota. Dia akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota Lembaga sesuatu anggota sehingga sesuatu anggota itu menetapkan untuk memilih perwakilan-perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota Lembaga atau menarik diri menjadi perwakilan, maka anggota hendaklah melantik perwakilan yang baru untuk menggantikan wakilnya.

(3) Seseorang anggota Lembaga hendaklah dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan. Seseorang anggota Lembaga atau seseorang Jawatankuasa Audit Dalaman yang akan mengosongkan jawatan hendaklah tetap menjadi seorang perwakilan tahunan yang diadakan untuk memilih penggantinya sehingga tamatnya mesyuarat itu.

(4) Menurut seksyen 31 Akta, anggota boleh melantik mana-mana perwakilannya, yang mestilah anggota Lembaganya sebagai proksinya bagi maksud mengundi dalam perjalanan hal ehwal koperasi ini.

(5) Sesuatu anggota yang gagal mengadakan mesyuarat agung semasa tidak boleh menghadiri mesyuarat agung perwakilan tahunan.

Mesyuarat agung perwakilan tahunan

25. Mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Mesyuarat agung perwakilan khas

26. (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus perwakilan mengikut mana yang kurang hendaklah, memanggil suatu mesyuarat agung perwakilan khas menurut subseksyen 40(1) Akta.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung perwakilan khas, mengikut cara dan pada masa dan tempat yang diarahnya, dan boleh menentukan perkara-perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung perwakilan yang dipanggil di bawah Akta atau Undang-undang Kecil ini.

Notis mesyuarat agung perwakilan

27. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah diberi kepada anggota dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

(2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah disertakan –

- (a) akaun-akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya, jika ada, yang teraudit;
- (b) belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (c) laporan Lembaga;
- (d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (e) dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

(3) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.

(4) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis yang mengandungi maklumat berkaitan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung perwakilan yang akan diadakan oleh Koperasi dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.

Kuorum mesyuarat agung perwakilan

28. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan bagi apa-apa maksud adalah seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan.

(2) Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan kerana meminda undang-undang kecil ini menurut Peraturan, hendaklah dua pertiga dari jumlah perwakilan, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(3) Bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya menurut fasal (2) undang-undang kecil 26 yang ditunda –

- (a) kuorum hendaklah tidak kurang daripada dua kali ganda bilangan anggota Lembaga; dan
- (b) keputusan boleh dibuat dengan kelebihan undi dua pertiga daripada perwakilan yang hadir dan layak mengundi menurut Peraturan.

Undi mesyuarat agung perwakilan

29. (1) Semua perbahasan kecuali yang berkaitan dengan pindaan undang-undang kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi perwakilan yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.

(2) Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah. Perwakilan yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.

(3) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan khas

30. (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas itu bilangan perwakilan yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung perwakilan itu –

- (a) dibatalkan, jika dipanggil oleh Lembaga atau atas rekuisisi perwakilan; atau

(b) ditunda, jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta.

- (2) Bagi mesyuarat yang ditunda di bawah perenggan (b) fasal (1) -
- (a) tarikh mesyuarat tertunda hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari; dan
 - (b) notis penundaan hendaklah di hantar dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang ditunda.

(3) Perkara-perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat agung perwakilan khas yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika terdapat perubahan kepada perkara-perkara yang telah dicadangkan itu, notis baru menurut fasal (1) undang-undang kecil 27 hendaklah diberi kepada tiap-tiap anggota bagi mesyuarat tertunda itu.

Fungsi mesyuarat agung perwakilan

31. (1) Menurut Peraturan, fungsi mesyuarat agung perwakilan hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung khas yang berselang;
- (b) menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
- (c) menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bersama dengan laporan juruaudit;
- (d) memilih anggota Lembaga;
- (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (f) meluluskan elaun kepada anggota Lembaga dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
- (g) meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi;

- (h) menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi;
- (i) menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
- (j) melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang perwakilan dan empat orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan perwakilan;
- (k) menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan;
- (l) mengisytiharkan atau menerbitkan syer bonus, jika ada;
- (m) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;
- (n) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada undang-undang kecil Koperasi, jika ada;
- (o) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah dikemukakan kepada Koperasi yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga;
- (p) meluluskan apa-apa perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (q) menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Akta dan Peraturan, jika ada.

(2) Perkara-perkara di dalam perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) fasal (1) hendaklah diputuskan di dalam mesyuarat agung tahunan perwakilan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya, menurut subseksyen 40(2) Akta.

(3) Minit-minit mesyuarat agung perwakilan hendaklah direkodkan dan satu salinan hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat agung perwakilan itu, menurut perenggan 14(1)(b) Akta.

(4) Mesyuarat agung perwakilan boleh menamatkan pelantikan kesemua atau mana-mana anggota Lembaga dengan syarat usul secara bertulis telah

diterima oleh Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan diadakan. Sebarang usul tergepar tidak dibenarkan.

Pengerusi mesyuarat agung perwakilan

32. (1) Pengerusi Koperasi atau sekiranya dia tidak hadir, mana-mana anggota Lembaga yang terpilih oleh majlis mesyuarat hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan itu.

(2) Pengerusi dengan persetujuan mesyuarat boleh menangguhkan mesyuarat agung perwakilan –

- (a) dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat asal;
- (b) di dalam kawasan operasi Koperasi; dan
- (c) menjalankan urusan mesyuarat yang asal sahaja.

(3) Notis tidak perlu bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu.

Lembaga Koperasi

33. (1) Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi lima belas orang yang terdiri daripada perwakilan negeri Perlis satu, Pulau Pinang satu, Kedah satu, Perak dua, Selangor satu, Negeri Sembilan satu, Melaka satu, Johor dua, Pahang dua, Terengganu satu, Kelantan satu, Sarawak satu, yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 31.

(2) Anggota Lembaga yang dipilih bagi mewakili negeri-negeri berkenaan perlu mendapat undian majoriti bagi negeri-negeri yang berkenaan dalam mesyuarat agung perwakilan.

Kelayakan menjadi anggota Lembaga

34. (1) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia –

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;

- (d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; atau
- (e) tidak memegang jawatan sebagai anggota Lembaga sesuatu anggota.

Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga

35. (1) Satu pertiga daripada anggota Lembaga menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 33, hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan.

(2) Aturan yang ditetapkan dalam fasal (1) hendaklah diulangi bergilir-gilir tiap-tiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

(3) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat di bawah subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).

(4) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana anggota yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung perwakilan akan datang.

Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga

36. (1) Seseorang anggota Lembaga akan lucut jawatannya dengan sertamerta

jika -

- (a) dia disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan di bawah Akta atau Peraturan;
- (b) dia menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;

- (c) dia tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut, melainkan dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu;
- (d) anggota yang diwakilinya hilang kelayakan sebagai anggota, menurut undang-undang kecil 19 atau terhenti keanggotaan menurut undang-undang kecil 20; atau
- (e) dia terhenti keanggotaan dalam anggota yang diwakilinya.

(2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika -

- (a) sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota Lembaga itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut subseksyen 47(1) Akta; atau
- (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini, menurut Peraturan.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah -

- (a) didengar oleh mesyuarat agung perwakilan yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;
- (b) anggota Lembaga itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan;
- (c) anggota Lembaga itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung perwakilan tersebut; dan
- (d) keputusan penggantungan anggota Lembaga tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti anggota yang hadir di dalam mesyuarat agung perwakilan itu.

Penamatan pelantikan anggota Lembaga

37. (1) Walau apa pun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 35, mesyuarat agung perwakilan mempunyai kuasa menurut Peraturan –

- (a) untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga pada bila-bila masa; dan
- (b) memilih gantinya dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan pelantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung itu diadakan.

(2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung perwakilan itu mendengar penjelasan anggota atau anggota Lembaga yang terlibat.

(3) Anggota yang ditamatkan pelantikannya menurut Undang-undang Kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang.

Mesyuarat Lembaga

- 38.** (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah –
- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
 - (b) melantik di kalangan anggota Lembaga seorang pengerusi, setiausaha dan bendahari.
- (2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan.
- (3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya –
- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau
 - (b) lapan orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara-perkara yang hendak dibincangkan.
- (4) Keputusan mesyuarat anggota Lembaga adalah sah walaupun—
- (a) ketidakhadiran mana-mana Lembaga;

- (b) terdapat kecacatan kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana Lembaga atau pembentukan Lembaga;
 - (c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau
 - (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan seorang Lembaga.
- (5) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang ke mesyuarat -
- (a) untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan;
 - (b) orang tersebut tidak boleh mengundi; dan
 - (c) boleh dibayar elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
- (6) Semasa ketiadaan pengerusi, seorang daripada anggota Lembaga lain yang hadir boleh dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat.

Kuorum mesyuarat Lembaga

39. Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua daripada bilangan anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 33.

Urusan mesyuarat Lembaga

40. Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
- (b) membincangkan perkara berbangkit;
- (c) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan di mana berkenaan, perkara-perkara berikut:
 - (i) keputusan-keputusan mesyuarat agung perwakilan dan menentukan tindakan-tindakan;
 - (ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (iii) laporan pengurusan;
 - (iv) permohonan menjadi anggota Koperasi;

- (v) permohonan berhenti daripada menjadi anggota;
- (vi) permohonan menambah atau mengurangkan caruman syer.
- (d) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;
- (e) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek Koperasi;
- (f) mengkaji, membincang dan memutuskan -
 - (i) hal-hal perjawatan;
 - (ii) program latihan pekerja; dan
 - (iii) program pendidikan anggota.
- (g) melantik Jawatankuasa Audit Dalam di kalangan perwakilan menurut undang-undang kecil 48; dan
- (h) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis tidak kurang daripada tujuh hari.

Undi anggota Lembaga

41. (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu tidak diterima.

(3) Seseorang anggota Lembaga tidak boleh mengundi dalam perkara mengenai dirinya sendiri atau ia ada kepentingan peribadi.

(4) Seseorang anggota Lembaga yang ada kepentingan peribadi dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau kepentingannya dalam perkara itu.

Buku minit mesyuarat Lembaga

42. (1) Segala keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah -

- (a) diminitkan dalam tempoh tujuh hari;
- (b) ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
- (c) diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari.

(2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat tersebut.

- (3) Minit bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan -
- (a) kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(c) Akta; dan
 - (b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

Kuasa dan kewajipan Lembaga

43. (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.

(2) Bagi melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:

- (a) melantik seorang pengerusi, setiausaha dan bendahari di kalangan anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) undang-undang kecil 38;
- (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir berikut:
 - (i) nama;
 - (ii) alamat kediaman;
 - (iii) nombor kad pengenalan;
 - (iv) anggota yang diwakilinya;
 - (v) tarikh keanggotaan;
 - (vi) pekerjaan; dan
 - (vii) jawatan dalam koperasidalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung tahunannya kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan tentang butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;
- (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;

- (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;
- (e) melantik -
 - (i) seorang pegawai yang bergaji tetap; atau
 - (ii) sebuah firma,
 bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha jika perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga;
- (f) menyenggara akaun bagi wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi dengan benar dan betul;
- (g) menyenggara akaun bagi aset dan liabiliti Koperasi dengan benar dan betul;
- (h) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang di senggara, diuruskan dengan sempurna dan kemas kini;
- (i) membentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan -
 - (i) akaun perdagangan;
 - (ii) akaun untung rugi;
 - (iii) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
 - (iv) kunci kira-kira;
 - (v) laporan Lembaga menurut subseksyen 59(3) Akta;
 - (vi) laporan juruaudit; dan
 - (vii) pandangan Suruhanjaya tentang akaun dan kunci kira-kira jika ada, bagi Koperasi dan subsidiari;
- (j) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan/atau pengisytiharan syer bonus Koperasi kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (k) mengambil tindakan sewajarnya ke atas penyata dan surat arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
- (l) membentang laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (m) memenuhkan jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga

- serta menyingkirkan keanggotaan menurut fasal (2) undang-undang kecil 20 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;
- (n) memanggil mesyuarat agung perwakilan menurut undang-undang kecil;
 - (o) membuat perjanjian bagi mendapatkan pinjaman tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
 - (p) melantik pekerja termasuk pengurus dengan mengeluarkan surat rasmi yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan;
 - (q) bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
 - (r) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung perwakilan dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;
 - (s) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung perwakilan;
 - (t) melaksanakan projek dan memberi peluang kepada anggota untuk -
 - (i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek; atau
 - (ii) menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
 - (u) memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai dengan mohor Koperasi serta ditandatangani oleh pengerusi dan dua orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga;
 - (v) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;
 - (w) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dengan sempurnanya dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
 - (x) membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi pelaksanaan aktiviti Koperasi dengan kelulusan mesyuarat

agung perwakilan dan mengemukakan satu salinannya dalam tempoh tiga puluh hari kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) undang-undang kecil 9;

- (y) mencadangkan belanjawan termasuk elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
- (z) mencadangkan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi;
- (aa) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;
- (bb) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan koperasi dan anggotanya terpelihara; dan
- (cc) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, undang-undang kecil dan mesyuarat agung perwakilan dari semasa ke semasa.

(3) Lembaga hendaklah mengisytiharkan kepentingannya berkaitan perniagaan dengan koperasi dan tidak mengundi atau terlibat dalam perbincangan mengenai perkara di mana dia mempunyai kepentingan.

Liabiliti anggota Lembaga

44. Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan, perintah atau undang-undang kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agung perwakilannya.

Tugas pengerusi

- 45.** (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga;
 - (b) menandatangani minit mesyuarat yang disahkan;
 - (c) memperakui cabutan dan salinan dari rekod Koperasi, menurut Peraturan, bersama setiausaha melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;
 - (d) memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat Lembaga bila perlu;
 - (e) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalaman supaya memeriksa buku, rekod dan dokumen Koperasi pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;
 - (f) menandatangani permohonan pendaftaran kepada pindaan undang-undang kecil dan dokumen lain yang berkaitan bersama dua anggota Lembaga; dan
 - (g) menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi.
- (2) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b), fasal (1), boleh diamanahkan kepada mana-mana anggota Lembaga, jika perlu.

Tugas setiausaha

- 46.** (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung perwakilan, mesyuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
 - (b) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;
 - (c) menyenggara dan mengemas kini semua daftar anggota, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
 - (d) menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;
 - (e) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;

- (f) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan
- (g) menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana tugas setiausaha boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Tugas bendahari

47. (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) mengendalikan segala urusan perdagangan dan perindustrian Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (b) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan Lembaga;
- (c) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat jam hari bekerja daripada penerimaannya;
- (d) mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
- (e) menyimpan dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
- (f) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemas kini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- (g) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga;
- (h) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatan dan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibentangkan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan

- (i) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan anggaran bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(2) Mana-mana tugas bendahari boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Jawatankuasa Audit Dalaman

48. Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi tiga orang, terdiri daripada perwakilan yang dilantik oleh Lembaga, menurut fasal (g) undang-undang kecil 40.

Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman

49. Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman atau kekal sebagai seorang Jawatankuasa Audit Dalaman jika —

- (a) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) dia telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (c) dia menjadi anggota Lembaga Koperasi ini;
- (d) dia tidak lagi memegang jawatan sebagai anggota Lembaga sesuatu anggota;
- (e) anggota yang diwakilinya hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 19 atau terhenti keanggotaan menurut undang-undang kecil 20; atau
- (f) dia terhenti keanggotaan dalam anggota yang diwakilinya.

Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman

50. (1) Tempoh perkhidmatan semua anggota Jawatankuasa Audit Dalaman ini adalah satu tahun atau sehingga mesyuarat agung perwakilan akan datang atau mana yang terdahulu dan perkhidmatan mereka boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

(2) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah diisi oleh Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana perwakilan yang layak.

Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman

51. (1) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bagi memastikan hal-ehwal Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, undang-undang kecil serta keputusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Jawatankuasa Audit Dalaman mempunyai kuasa memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan.

(3) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
- (b) memeriksa akaun-akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan;
- (c) memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi dengan serta-merta; dan
- (d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.

(4) Jawatankuasa Audit Dalaman, tertakluk kepada kelulusan Lembaga dibayar elaun yang sewajarnya atas khidmat yang diberikan kepada Koperasi.

(5) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah —

- (a) bersidang tidak kurang daripada dua kali setahun; dan

- (b) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya.

BAHAGIAN VI ASET DAN WANG KOPERASI

Wang dan Kumpulan Wang Koperasi

52. (1) Wang dan Kumpulan Wang Koperasi boleh mengandungi—
- (a) fi masuk dan syer anggota;
 - (b) simpanan khas daripada anggota;
 - (c) pinjaman atau deposit daripada anggota dan bukan anggota;
 - (d) Kumpulan Wang Rizab Statutori;
 - (e) Akaun Rizab Modal;
 - (f) Kumpulan Wang Penebusan Syer;
 - (g) derma dan pemberian tertentu;
 - (h) baki keuntungan terkumpul; dan
 - (i) kumpulan wang lain yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

(2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti yang diperuntukkan, menurut fasal (1) undang-undang kecil 9.

Modal syer

53. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM10,000.00 (Ringgit: sepuluh ribu) syer sebagai sumbangan minimum dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh lima bulan. Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.

(2) Mana-mana anggota yang gagal melanggan syer seperti dalam fasal (1) hendaklah disingkirkan.

Simpanan khas, deposit atau pinjaman

- 54.** (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya -
- (a) simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturan-aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau
 - (b) deposit dan pinjaman.
- (2) Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menerima deposit atau pinjaman daripada bukan anggota koperasi.
- (3) Fasal (2) tidak terpakai kepada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh kerajaan.
- (4) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, koperasi hendaklah -
- (a) memberitahu perwakilannya mengenai pinjaman daripada anggota menurut subseksyen 52(3) Akta; dan
 - (b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pindahan syer

55. (1) Sesebuah anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) undang-undang kecil 53 kepada anggota lain dengan syarat borang pemindahan syer hendaklah ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh anggota.

(2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuat kuasa setelah didaftarkan oleh Koperasi.

Penyelesaian modal syer

56. (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 55, bagi sesuatu anggota koperasi asas yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun, maka syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu boleh dikeluarkan tertakluk kepada fasal (2).

(2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

(3) Syer yang ditebus di bawah fasal (2) boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

Keuntungan modal

57. (1) Menurut subseksyen 55 (1) Akta, semua keuntungan modal yang diperoleh daripada perkara-perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal –

- (a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan
- (b) penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Keuntungan modal menurut perenggan (a) fasal (1) boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) penerbitan syer bonus;
- (b) penghapusan kira kerugian terkumpul;
- (c) penghapusan kira kerugian modal; dan
- (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

(3) Syer bonus boleh diterbitkan menurut Peraturan berasaskan kepada -

- (a) jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota; atau
- (b) penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus dengan syarat:
 - (i) syer menurut perenggan (a) dan (b) tersebut dipegang dalam tempoh masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus;
 - (ii) nama anggota yang akan menerima syer itu ada dalam daftar Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;

- (iii) semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapus kira; dan
- (iv) buku dan rekod Koperasi telah disenggara dengan memuaskan menurut pendapat Suruhanjaya.

(4) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal menurut dalam perenggan (b) fasal (1), boleh dengan kelulusan Lembaga -

- (a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini; atau
- (b) dikeluarkan dalam hal anggota yang dibatalkan pendaftarannya di bawah Akta.

(5) Pemindahan atau pengeluaran menurut fasal (4) dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Koperasi.

Kumpulan Wang Rizab Statutori

58. (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Koperasi ini hendaklah menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori.

(2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori	Jumlah Pindahan
Kurang daripada 50% daripada syer	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit

(3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak ada anggota berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.

(4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki dalam kumpulan wang tersebut

hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer koperasi berkenaan.

Simpanan khas

59. Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang dibuat menurut fasal (4) undang-undang kecil 9.

Pinjaman luar

60. (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2) dan 52A Akta dan Peraturan, Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, meminjam wang daripada orang yang bukan anggota Koperasi.

(2) Koperasi hendaklah memaklumkan kepada perwakilan mengenai pinjaman menurut fasal (1) pada mesyuarat agung perwakilan tahunannya.

Pelaburan wang

61. (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung perwakilan.

Pemberian pinjaman oleh Koperasi

62. Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada –

- (a) pekerjanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat-syarat guna khidmat mereka; atau
- (b) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

Pengagihan untung bersih teraudit

63. (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta, hendaklah diagihkan, tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:

- (a) sebanyak mana yang ditentukan menurut fasal (2) Undang-undang kecil 58 kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan
- (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang menurut di dalam perenggan (a) fasal (1).

(2) Selepas pengagihan menurut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, termasuk baki keuntungan yang belum dibahagikan menurut subseksyen 57(5) Akta, boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) pembayaran potongan langganan;
- (b) pembayaran dividen, atas syer anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;
- (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
- (d) pembayaran untuk kebajikan anggotanya dan masyarakat.

(3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat, kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum, sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.

(4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara-perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan (3), boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapus kira sepenuhnya.

(5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Koperasi boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapus kira sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya yang tidak boleh melebihi lima peratus daripada jumlah syer anggota, menurut subseksyen 57(8) Akta.

Dividen

64. (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer kepunyaan sesuatu anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan menurut Peraturan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Anggota yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.

(2) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal syer anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

BAHAGIAN VII AKAUN DAN AUDIT

Tahun kewangan

65. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada satu haribulan Julai dan berakhir pada tiga puluh haribulan Jun setiap tahun.

Penyenggaraan akaun

66. (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemas kini rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan –

(a) aset tetap, pelaburan dan deposit;

- (b) syer serta simpanan khas yang di carum oleh anggota;
dan
- (c) aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod-rekod lain menurut fasal (1), hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi menurut subseksyen 58(2) Akta.

(3) Penyediaan akaun-akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.

(4) Akaun-akaun menurut fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.

(5) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan—

- (a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga menurut subseksyen 58(4) Akta; dan
- (b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

(6) Rekod-rekod ini boleh diperiksa oleh individu yang diberi kuasa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.

(8) Suruhanjaya boleh menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes-kes tertentu memerintahkan supaya rekod-rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

(9) Suatu senarai terperinci butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi Koperasi menurut Peraturan.

Resit-resit dan baucar

67. (1) Resit-resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang pos yang diterima. Resit-resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Pelantikan dan kewajipan juruaudit

68. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya bagi mengaudit akaun koperasi menurut perenggan 60(1)(a) Akta.

(2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinan surat cara pelantikan kepada Suruhanjaya menurut Peraturan .

(3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi, menurut seksyen 63 Akta.

Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit

69. Menurut Peraturan, suatu senarai buku dan dokumen Koperasi hendaklah disediakan oleh Koperasi dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangani

sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada anggota

70. Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap anggota tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung tahunan:

- (a) akaun perdagangan;
- (b) akaun untung rugi;
- (c) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiari yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya menurut subseksyen 59(2) Akta; dan
- (e) laporan juruaudit; dan
- (f) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VIII PELBAGAI

Akaun bank

71. Akaun bank bagi Koperasi hendaklah diuruskan oleh mana-mana orang iaitu pengerusi atau setiausaha dan bendahari atau dua orang pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Mohor Koperasi

72. (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeterai di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimaterai.

(2) Dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi sama ada dimeterai atau tidak, dan di tandatangan dengan sahnya oleh pengerusi, setiausaha dan

bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pertukaran alamat anggota

73. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

Penyediaan dokumen untuk diperiksa

74. (1) Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh individu yang diberi kuasa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi -

- (a) suatu salinan Akta dan peraturan-peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;
- (b) suatu salinan undang-undang kecil dan akaun teraudit yang terakhir;
- (c) suatu senarai anggota;
- (d) suatu senarai anggota Lembaga;
- (e) nama ketua pegawai eksekutif, jika ada; dan
- (f) suatu senarai pegawai Koperasi yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada.

(2) Koperasi hendaklah juga menyediakan aturan-aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota, jika ada.

Penyerahan tugas

75. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuat kuasanya pertukaran itu. Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi.

Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili koperasi.

76. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi sama ada di dalam atau di luar negara menurut Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

Pelantikan Yang Dipertua

77. Lembaga boleh melantik seorang kenamaan sebagai Yang Dipertua kepada Koperasi. Dia hanya bertindak sebagai penaung dan boleh menghadiri mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Koperasi tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.

Pertikaian

78. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung perwakilan, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujuk pertikaiannya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan, menurut undang-undang kecil 22.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta, hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung perwakilan Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

Pemeliharaan kerahsiaan

79. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

Pembubaran

80. Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

81. (1) Undang-undang Kecil ini adalah dibuat dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada undang-undang kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.

(2) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan undang-undang kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.

Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota

82. Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.